

**Shahrizat Serah Kepada Perdana Menteri Kedudukan Selaku Senator
Bernama
4 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil menyerahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengenai kedudukan beliau sebagai Senator.

Shahrizat yang juga Ketua Pergerakan Wanita Umno berkata terserah kepada Perdana Menteri sama ada melanjutkan tempoh penggal beliau sebagai senator yang akan berakhir bulan depan.

"Semuanya terpulang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri," katanya ketika ditemui pemberita selepas majlis program kebajikan Rakyat 1Malaysia (Kar1sma), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di sini, Ahad.

Shahrizat dilantik sebagai Senator pada 9 April 2009.

Shahrizat terpalit dalam isu National Feedlot Corporation (NFC), yang diterajui suaminya Datuk Dr Mohamed Salleh Ismail, yang terlibat dalam projek lembah daging Pusat Fidlot Nasional di Gemas, Negeri Sembilan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=649811>